

KHUTBAH JUMAAT

“MERAIH KEBERKATAN HARI JUMAAT”
(23 September 2022M/ 26 Safar 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Meraih Keberkatan Hari Jumaat**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari Jumaat adalah penghulu segala hari yang mempunyai pelbagai kemuliaan. Antaranya ialah hari Nabi Adam *alaihissalam* diciptakan, dimasukkan ke dalam Syurga dan dikeluarkan daripada Syurga. Malah tidak akan berlaku hari kiamat melainkan pada hari Jumaat. Hadis dari Abi Lubabah Bin Abdul Munzir *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda :

((إِنَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ سَيِّدُ الْأَيَّامِ، وَأَعْظَمُهَا عِنْدَ اللَّهِ، وَهُوَ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ يَوْمِ الْأَضْحَى وَيَوْمِ الْفِطْرِ، فِيهِ خَمْسُ خِلَالَ: خَلَقَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ، وَأَهْبَطَ اللَّهُ فِيهِ آدَمَ إِلَى الْأَرْضِ، وَفِيهِ تَوَفَّى اللَّهُ آدَمَ، وَفِيهِ سَاعَةٌ لَا يَسْأَلُ اللَّهُ فِيهَا الْعَبْدُ شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ، مَا لَمْ يَسْأَلْ حَرَامًا، وَفِيهِ تَقُومُ السَّاعَةُ، مَا مِنْ مَلَكٍ مُقَرَّبٍ، وَلَا سَمَاءٍ، وَلَا أَرْضٍ، وَلَا رِيَّاحٍ، وَلَا جِبَالٍ، وَلَا بَحْرٍ، إِلَّا هُنَّ يُشْفِقْنَ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ))

Maksudnya: *Sesungguhnya hari Jumaat adalah penghulu kepada segala hari dan seagung-agung hari di sisi Allah yang mana keagungannya itu di sisi Allah lebih agung berbanding hari raya Aidiladha dan juga Aidilfitri. Ini kerana, pada hari tersebut terdapat lima perkara besar iaitu: Padanya diciptakan, diturunkan ke bumi dan diwafatkan Nabi Adam. Padanya juga terdapat satu masa apabila seseorang itu meminta sesuatu kepada Allah pasti akan diberikan kepadanya selagimana dia tidak meminta sesuatu yang haram. Padanya juga akan berlakunya Kiamat dan pada hari itu juga (hari Jumaat) tidak ada malaikat yang dekat dengan Allah, di langit, bumi, angin, gunung dan laut melainkan takut dengan keagungan hari Jumaat.*

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam hidup ini, tentunya tidak ada manusia yang mahu dirinya menanggung rugi, seandainya peluang mengaut keuntungan

terbentang luas di hadapan matanya. Malahan jika boleh, manusia mengharapkan peluang mengaut keuntungan sentiasa datang agar ia boleh berterusan memanfaatkan peluang keemasan tersebut.

Demikianlah halnya dengan fadilat hari Jumaat. Pada setiap hari Jumaat, bermula dari terbenamnya matahari petang semalam iaitu petang Khamis, sehinggalah masuknya waktu Maghrib pada petang ini, setiap muslim tidak kira muda atau tua, lelaki mahupun wanita, berpeluang merebut pelbagai kelebihan yang disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* pada hari Jumaat.

Antara kelebihan hari Jumaat ialah adanya waktu yang dimakbulkan doa oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada Abu Musa al-Asy'ari *radiallahu anhu*, bahawa beliau mendengar Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda apabila beliau ditanya oleh Ibnu Umar *radiallahu anhuma* tentang waktu yang mustajab tersebut:

((أَسَمِعْتَ أَبَاكَ يُحَدِّثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شَأْنِ سَاعَةِ الْجُمُعَةِ؟ قُلْتُ نَعَمْ، سَمِعْتُهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: هِيَ مَا بَيْنَ أَنْ يَجْلِسَ الْإِمَامُ إِلَى أَنْ تُقْضَى الصَّلَاةُ))

Maksudnya: *Adakah kamu pernah mendengar ayahmu meriwayatkan hadis daripada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam berkenaan satu waktu (mustajab) pada hari Jumaat?”. Aku menjawab, “Ya, aku pernah mendengarnya”. Aku telah mendengar Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda: “Ia adalah di antara*

waktu duduknya imam (yaitu diatas mimbar) sehingga selesainya solat didirikan.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Begitu juga hadis daripada Jabir bin Abdillah *radiallahu anhu*, bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((يَوْمُ الْجُمُعَةِ اثْنَا عَشْرَةَ سَاعَةً، لَا يُوجَدُ فِيهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ يَسْأَلُ اللَّهَ شَيْئًا إِلَّا آتَاهُ إِيَّاهُ، فَالْتَمِسُوهَا آخِرَ سَاعَةٍ بَعْدَ الْعَصْرِ))

Maksudnya: Hari Jumaat mempunyai 12 jam, padanya terdapat satu waktu yang mana tidak ada seorang hamba yang meminta sesuatu kepada Allah *subhanahu wata'ala* melainkan Allah *subhanahu wata'ala* akan memberikan apa yang dimintanya itu kepadanya. Maka carilah waktu tersebut pada akhir waktu selepas asar.

(Hadis riwayat Imam an-Nasa'ie)

Hadis yang dibacakan tadi jelas menunjukkan waktu-waktu yang mustajab pada hari Jumaat untuk berdoa. Sebagai hamba Allah yang banyak kelemahan dan kekurangannya, sudah tentu kita mempunyai pelbagai hajat dan doa yang diharapkan agar dimakbulkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Namun, alangkah ruginya kita apabila ada peluang yang baik pada hari Jumaat ini disia-siakan kelalaian dan perbuatan yang tidak bermanfaat.

Justeru, marilah kita membiasakan diri dengan amalan-amalan sunat pada hari Jumaat. Masuklah ke dalam masjid seawal yang

boleh agar dapat menunaikan solat sunat dengan tenang serta mendapat tempat yang lebih selesa. Malahan, mereka yang masuk lebih awal, akan dicatat namanya oleh para malaikat yang menanti di pintu masjid. Malaikat-malaikat ini akan berhenti mencatat nama manusia apabila azan dikumandangkan. Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* katanya, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِذَا كَانَ يَوْمُ الْجُمُعَةِ كَانَ عَلَى كُلِّ بَابٍ مِنْ أَبْوَابِ الْمَسْجِدِ
مَلَائِكَةٌ يَكْتُبُونَ الْأَوَّلَ فَأَلَّوْلَ. فَإِذَا جَلَسَ الْإِمَامُ طَوَّأُوا الصُّحُفَ
وَجَاءُوا يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ ...))

Maksudnya: Apabila tiba hari Jumaat, akan ada malaikat di pintu-pintu masjid yang mencatat nama orang yang datang awal. Sehingga apabila imam duduk sebelum membaca khutbah, mereka akan menutup lembaran (berhenti mencatat nama) dan mereka mendengar khutbah.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, banyak fadilat yang Allah *subhanahu wata'ala* sediakan pada hari Jumaat untuk kita raih keberkatannya. Namun di sebalik fadilat-fadilat tersebut, terdapat beberapa perkara yang perlu kita awasi dan berhati-hati, agar ganjaran yang kita perolehi tidak menjadi sia-sia.

Antaranya ialah menjaga adab-adab ketika berada di dalam masjid

dan mengekalkan ketenangan suasananya. Malah, kita telah diingatkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* agar tidak melakukan perkara-perkara yang sia-sia ketika khatib sedang menyampaikan khutbah. Hal ini telah disebut dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ أَنْصِتْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ))

Maksudnya: Apabila kamu berkata kepada kawanmu ‘diamlah’ ketika khatib sedang berkhotbah, maka sesungguhnya kamu telah lakukan perkara yang sia-sia.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Lihatlah para hadirin sekalian, hanya menegur orang lain dengan perkataan ‘diamlah’ pun sudah merugikan pahala kita. Maka bagaimana keadaannya jika kita masih bersembang-sembang atau berbual-bual kosong serta leka bermain telefon ketika khatib sedang menyampaikan khutbahnya? Tidakkah kita merasa rugi kerana pahala yang diharapkan untuk diperolehi akan hilang daripada kita?

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, terdapat beberapa perkara penting yang boleh kita ambil sebagai pengajaran dan penghayatan. Antaranya adalah:

Pertama: Umat Islam perlulah menyedari dan meyakini serta menginsafi bahawa hari Jumaat adalah hari yang penuh keberkatan dari Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Umat Islam hendaklah bersegera merebut peluang dan ganjaran pahala dari pelbagai amalan yang menepati syariat pada hari Jumaat.

Ketiga: Umat Islam perlulah menjadikan setiap hari itu lebih baik dari hari-hari sebelumnya agar terus menjadi umat Islam yang cemerlang dan berjaya.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 103-104:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ
يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (laitu) orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan serta bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُّجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.